



yang terkandung dalam dasar garis panduan-garis panduan yang berkenaan.

ii) **Kemajuan Perdagangan dan Perdagangan Terhad**

- Nisbah plot yang boleh dibenarkan  $(2.5+0.5) : 1$  untuk saiz plot sehingga 30,000 k.p.  
Nisbah plot maksima  $(5 +0.5) : 1$
- Nisbah plot yang boleh dibenarkan  $(2.5+0.5) : 1$  untuk saiz plot yang melebihi 30,000 k.p.  
Nisbah plot maksima  $(5 +0.5) : 1$
- Untuk pemajuan usahasama antara tuan tanah bumiputra dan bukan bumiputra, di mana ekuiti bumiputra ialah 50% atau kurang akan tetapi tidak kurang daripada 5%, maka tambahan 0.5 kepada nisbah plot yang dibenarkan dan juga bonus 10% lebih dari nisbah plot maksima akan diberi juga mengikut peratusan pemilik ekuiti bumiputra di dalam projek itu.
- Keluasan lantai yang melebihi nisbah plot yang boleh di benarkan 3 : 1 atau 4 : 1 mengikut keadaan kesnya dan juga 10% bonus adalah tertakluk kepada bayaran kemajuan (infrastruktur) seperti yang terkandung dalam dasar garis panduan-garis panduan yang berkenaan.

### 3.0 **Bayaran Pemajuan (Infrastruktur) dan Bayaran Saliran**

Insentif kepada pemohon-pemohon bumiputra dalam bayaran-bayaran di atas adalah diberi dengan cara memberi potongan-potongan ke atas bayaran-bayaran yang akan dikenakan seperti berikut:-

i) **Bayaran pemajuan**

- RM500,000 pertama yang dikenakan diberi potongan 30%.
- RM500,000 berikutnya yang dikenakan diberi potongan 20%.
- RM500,000 berikutnya yang dikenakan diberi potongan 10%.
- Sebarang jumlah bayaran pemajuan selepas RM1.5 juta yang dikenakan Diberi potongan 5%.
- Dalam kes pemajuan bumiputra di mana permintaan diterima untuk pembayaran bayaran kemajuan secara ditangguhkan (deferred basis) sepertimana dibenarkan di dalam garis panduan Majlis, penganan faedah ke atas bayaran kemajuan tersebut akan dikecualikan.

ii) **Bayaran Saliran**

Sebarang jumlah bayaran yang dikenakan diberikan potongan 20% rata.

- iii) Untuk pemajuan usahasama antara tuan tanah bumiputra dan bukan bumiputra di mana ekuiti bumiputra dalam syarikat adalah 50% atau kurang akan tetapi tidak kurang dari 5%, konsesi ke atas bayaran kemajuan dan bayaran saliran akan diberikan juga mengikut peratusan pemilikan ekuiti bumiputra dalam projek itu.

#### **4.0 Tempat Letak Kereta**

Dalam semua jenis kemajuan dalam kawasan luar bandar, Majlis akan mempertimbangkan kelonggaran dalam peruntukan tempat letak fizikal yang dikehendaki dalam bentuk sumbangan wang sebagai ganti seperti berikut:-

- i) Memandangkan bahawa tempat letak kereta di dalam bandaraya yang ditubuhkan pada tahun 1971 ada perbezaan di antara kehendak perletakan kereta di luar bandaraya dari segi sumbangan berdasarkan penilaian, maka konsesi rata sebanyak 30% akan diberi untuk kehendak perletakan kereta ke atas penilaian itu. Dalam kes kesemua permohonan lain, diskaun 15% hendaklah diberi.
- ii) Di dalam kes di mana walaupun konsesi ini diberikan, penilaian itu dianggap berlebihan berkaitan dengan kadar perletakan kereta yang ada di dalam bandaraya, Majlis akan dipertimbangkan memberi konsesi selanjutnya berdasarkan kepada buruk dan baik setiap kes.
- iii) Untuk pemajuan usahasama antara tuan tanah bumiputra dan bukan bumiputra di mana ekuiti bumiputra dalam syarikat adalah 50% atau kurang akan tetapi tidak kurang dari 5% konsesi ke atas bayaran sumbangan sebagai ganti tempat letak kereta (di mana berkenaan) akan diberikan juga mengikut peratusan pemilikan ekuiti bumiputra dalam projek itu.

Dalam semua jenis kemajuan dalam kawasan bandar, konsesi sebanyak 5% atas amaun Sumbangan Kewangan bagi menggantikan penyediaan

tempat-tempat letak kenderaan diberikan kepada pemilik-pemilik bumiputra sahaja yang ingin memajukan tanah mereka dengan syarat ekuiti penyertaan bumiputra dalam syarikat-syarikat berkenaan hendaklah sekurang-kurangnya 51%.

#### **5.0 Kemajuan kediaman bukan kos rendah dan kos rendah**

- i) Bonus bersamaan 30% lebih dari ketumpatan maksima diberi kepada pemohon-pemohon bumiputra.
- ii) Potongan-potongan yang sama diberi ke atas bayaran kemajuan dan bayaran saliran yang dikenakan ke atas kemajuan kediaman bukan kos rendah seperti yang diberi untuk kemajuan hotel dan perdagangan.

Untuk mengelakkan kekeliruan, apabila ekuiti bumiputra ke atas tanah yang dimajukan melebihi 51% maka ia dianggap sebagai pemajuan bumiputra 100%, maka bonus dan konsesi sekadar yang akan diberi hendaklah diberi dengan sewajarnya.

Tarikh kuatkuasa dasar ini ialah pada 01.01.1985 akan tetapi tarikh perlaksanaan adalah mulai daripada tarikh diluluskan iaitu 30.05.1985.

*Nota: Dasar ini yang komprehensif dengan memasukkan pindaan-pindaan seperti yang diluluskan oleh M.J.T.A./Majlis pada 30.05.1985 telah dibentang dan dipersetujui oleh Majlis pada 06.07.1985 dan juga diluluskan pada 28.08.1986.*

#### **DILULUSKAN PADA 06.07.1985**

*Nota: Pindaan terhadap kriteria lain bagi memenuhi pengiktirafan taraf syarikat Bumiputera atas dasar ini dan tarikh perlaksanaan pindaan adalah mulai daripada tarikh diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 28.01.2003.*

Kriteria lain bagi memenuhi pengiktirafan taraf syarikat Bumiputra adalah:-

**Keanggotaan Lembaga** - Sekurang-kurangnya 51% dimiliki Pengarah Bumiputra, samada 3 bumi, 2 bukan bumi atau samada 2 bumi, seorang bukanbumi

**Pengurusan** - Keanggotaan bumiputra dalam pengurusan syarikat hendaklah sekurang-kurangnya 51%.

**Tenaga kerja** - Keanggotaan bumiputra dalam tenaga kerja hendaklah sekurang-kurangnya 51%.

Semakan untuk pengesahan taraf syarikat Bumiputra akan dirujuk kepada Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputra, Jabatan Perdana Menteri oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang.